

09 NOV 1999

KOMANWEL: DR MAHATHIR BERUCAP DI FORUM PERNIAGAAN SEBELUM CHOGM

Oleh: Tham Choy Lin

JOHANNESBURG, 9 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini esok untuk berucap di Forum Perniagaan Komanwel (CBF) di sini, sebelum menghadiri sidang kemuncak Komanwel di Durban.

Beliau merupakan antara beberapa pemimpin Komanwel, termasuk Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki dan Perdana Menteri Britain Tony Blair, yang akan menyampaikan ucapan utama di forum perniagaan tiga hari itu yang bermula hari ini di Sandton, kawasan pinggir bandar yang eksklusif di sini.

Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan utama beliau bertajuk "Memastikan Globalisasi Berfungsi: Langkah-langkah Menggalakkan Aliran Perdagangan dan Pelaburan Komanwel" di majlis makan malam esok.

Di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (Chogm) di Edinburgh dua tahun lepas, Dr Mahathir menggariskan akan pentingnya amalan teratur bagi globalisasi dunia demi melindungi yang lemah daripada yang kuat.

Globalisasi juga merupakan tema bagi Chogm kali ini yang berlangsung dari 12 hingga 15 Nov di Durban.

Lebih daripada 450 ahli perniagaan terkemuka dari 54-negara anggota Komanwel akan menghadiri forum perniagaan itu yang dianjurkan oleh Majlis Perniagaan Komanwel (CBC). CBC ditubuhkan di Edinburgh pada 1997 untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa dan pelaburan.

Satu pameran perdagangan maya juga akan diadakan semasa forum itu yang melaluinya beberapa negara Komanwel seperti Afrika Selatan, Australia, Bangladesh, Botswana, India, Lesotho, Malta, Nigeria, St Lucia dan Zimbabwe mengutarakan peluang-peluang pelaburan di negara masing-masing.

-- BERNAMA

TCL PR